

TIONG CINA
Crested Myna

FAMILI: Sturnidae
NAMA SAINTIFIK: *Arctidotheres cristatellus*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Tiong Jambul, *A.c grandis*, tetapi bahagianparuh berwarna kuning pucat di mana pada bahagian hujung bawah paruh berwarna merah cerah. Bahagian mata pula berwarna perang manakala jambul kepala adalah lebih pendek. Bahagianbawah ekor berwarna hitam di mana terdapat warna putih pada bahagian hujungnya. Semasa terbang, kelihatan tompokan putih yang besar pada bahagian bawah sayap serta terdapat warna putih pada bahagian hujung ke bahagian luar bulu ekor. Bagi individu juvenil pula, ia seakan-akan menyerupai spesies Tiong Jambul, *A.c grandis* tetapi bahagian paruh dan bahagian kaki adalah lebih pudar. Bahagian pangkal bawah ekor adalah lebih gelap manakala tompokan pada bahagian sayap adalah lebih besar. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 25.5 hingga 27.5sm.

TABURAN

Spesies ini merupakan spesies tempatan di kawasan tengah dan selatan China serta Taiwan. Spesies ini diperkenalkan di Jepun, Filipina (Manila), Kanada (Vancouver) dan Argentina. Di Asia Tenggara spesies ini merupakan spesies tempatan di tengah selatan Laos dan Vietnam (kecuali Cochinchina). Spesies ini ada direkodkan di Myanmar. Di Semenanjung Malaysia, dan Singapura, spesies ini merupakan spesies tempatan yang liar .

MAKANAN

Terdiri daripada serangga-serangga kecil, buah-buahan dan nektar. Sesetengah spesies adalah bersifat omnivor.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan terbuka, belukar, kawasan pinggir hutan, sawah padi, kawasan yang sedang dibangunkan di mana selalunya dijumpai di kawasan tanah rendah.

LOKASI DI MANA IA PERNAH DITEMUI

Spesies ini boleh ditemui di kebanyakan kawasan seperti di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang hampir menyerupai spesies Tiong Gembala Kerbau, *A. tritis*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan April hingga Ogos di mana sarang dibina pada bahagian bumbung bangunan atau pada sarang spesies burung yang lain yang ditinggalkan. Telur yang dihasilkan adalah di antara 4 hingga 7 biji, berwarna biru pudar berkilat ke biru kehijauan. Telur ini berukuran kira-kira 30 X 22 mm secara purata.

STATUS

Akta 76/72, diperindungi sepenuhnya.